

## AKHLAK PEMIMPIN DALAM *HIKAYAT ISMA YATIM*: SATU ANALISIS PENDEKATAN ADAB

MUHD NORIZAM JAMIAN  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*norizam@ukm.my*

NOR ASMA AB AZIZ  
*missasmaaziz@gmail.com*

### ABSTRAK

Makalah ini menganalisis akhlak pemimpin, berdasarkan gambaran keperibadian akhlak menerusi watak Isma Yatim berdasarkan *Hikayat Isma Yatim*. Pendekatan adab berasaskan model kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah diaplikasikan untuk mencapai tujuan penulisan makalah ini. Perbincangan ini akan melihat keperibadian akhlak yang dimiliki oleh Isma Yatim bagi melahirkan insan yang dikenali sebagai insan adabi. Data kajian ini diperoleh melalui analisis kandungan teks *Hikayat Isma Yatim* yang telah ditransliterasikan oleh Ayu Nor Azilah (2003). Kajian kepustakaan turut dilakukan bagi memperoleh maklumat awal kajian ini. Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah menggariskan bahawa antara prinsip adab yang harus ada dalam diri seseorang bagi melahirkan seorang insan adabi ialah amal ihsan selain daripada ilmu, kebijaksanaan dan keadilan. Dapatkan penulisan ini menunjukkan watak Isma Yatim memiliki akhlak mulia serta budi pekerti yang baik apabila prinsip tersebut diamalkan. Penulisan ini juga mendapati *Hikayat Isma Yatim* memberi panduan kepada khalayak dalam menjalin hubungan dengan Allah (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*) yang menjelaskan status peranan bagi setiap manusia di dunia sebagai khalifah Allah serta sebagai hamba-Nya. Berdasarkan kepada pendekatan adab, Isma Yatim memenuhi kriteria seorang pemimpin yang berakhlak tinggi seperti tawaduk, berilmu, iklhas, pemurah, amanah, hormat-menghormati, berbakti kepada raja dan adil. Akhlak yang dimiliki oleh Isma Yatim melayakkan beliau digelar sebagai insan adabi kerana menepati prinsip-prinsip pendekatan adab yang telah digariskan.

**Kata kunci:** akhlak pemimpin; amal ihsan; *hablumminallah*; *hablumminannas*; *Hikayat Isma Yatim*; pendekatan adab

## MORAL OF LEADERSHIP IN *HIKAYAT ISMA YATIM*: AN ANALYSIS FROM THE ADAB APPROACH

### ABSTRACT

This paper analyzes the character of leaders based on the apparent moral personality of the Isma Yatim character in the *Hikayat Isma Yatim*. A model-based approach framework of adab by Syed Muhammad Naquib Al-Attas has been applied to achieve the objectives of this paper. This discussion will look at the personality of the character possessed by Isma Yatim

to produce individuals who are known as the man of adab. The data of this study was obtained through content analysis of the text of *Hikayat Isma Yatim*, who was transliterated by Ayu Nor Azilah (2003). Literature review was also conducted to obtain preliminary information on the study. Syed Muhammad Naquib Al-Attas has outlined that between the principles of adab that should exist in a person to produce a man of adab is virtuous deeds as well as knowledge, wisdom and justice. The findings of this writing showed that the character of Isma Yatim has high morals and good manners when the principles are practiced. *Hikayat Isma Yatim* also is apparently conceived by its readership as providing enlightening principles in seeking for a guided relationship both with their Creator (*hablumminaLLah*) and fellow human beings (*hablumminannas*) as well as explicating the divine purposes of every living human being in this world – to become His vicegerent and servant. Based on the approach of adab, Isma Yatim meets the criteria of a high moral leaders such as humility, knowledgeable, sincere, generous, trust, respect, loyal to the King and fair. Morals owned by Isma Yatim qualified him as the man of adab as conformable to the principles of the approach of adab that have been outlined.

**Keywords:** moral leadership; virtuous deeds; *hablumminallah*; *hablumminannas*; *Hikayat Isma Yatim*; adab approach

## PENGENALAN

Pemerintahan dan pentadbiran yang adil serta bijaksana merupakan aspek yang penting dalam pengurusan sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara terletak kepada kehebatan seorang pemimpin itu mentadbir negara. Tanpa adanya sebuah konsep dan sistem pemerintahan yang bijaksana maka akan berlaku krisis moral yang berkaitan dengan kepimpinan seperti kezaliman, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah. Namun, situasi pemerintahan seperti ini tidak akan wujud sekiranya seorang pemimpin itu mempunyai akhlak dan adabnya yang baik. Hal ini kerana akhlak dapat mengangkat martabat seorang pemimpin. Pemimpin yang beradab harus meletakkan diri sebagai hamba yang patuh dengan perintah-Nya dan sebagai khalifah yang dilantik untuk memberi kemakmuran di seluruh alam (Syed Naquib Al-Attas, 1977).

Akhlik ataupun budi pekerti memegang peranan penting dalam kehidupan manusia. Menurut al-Ghazali (1988), watak manusia pada dasarnya ada dalam keadaan seimbang dan yang memburukannya itu adalah lingkungan dan pendidikan. Kebaikan dan keburukan itu tercantum dalam syariah dan pengetahuan akhlak. Akhlak yang baik berperanan dalam mengangkat martabat manusia ke darjah yang tinggi dan mulia. Akhlak yang buruk akan membinasakan seseorang insan dan juga akan membinasakan umat manusia. Pemimpin yang memiliki akhlak yang mulia turut diceritakan dalam hikayat ini. Malah, turut berfungsi sebagai wadah pengajaran yang membentuk moral dan adab kepimpinan melalui akhlak mulia yang ditunjukkan melalui watak Isma Yatim. Menurut Syed Muhammad Naquib, sastera berperanan sebagai penanam adab bagi melahirkan insan terpuji yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. *Hikayat Isma Yatim* merupakan karya sastera yang menjadikan unsur nasihat dan didikan sebagai tema utama dalam karya sastera. Dalam konteks ini, aspek nasihat dan didikan yang ditekankan ialah akhlak di kalangan pemimpin. Kemuliaan seorang pemimpin bukan hanya bergantung kepada ilmu yang tinggi tetapi juga kemurnian akhlak yang dimilikinya (Zuraidah, Zahir & Nuwairi, 2012: 155-170). Sehubungan itu, kajian ini

akan merungkaikan bagaimana akhlak seorang pemimpin yang ditampilkan dalam *Hikayat Isma Yatim* menjadi wadah pembentukan peradaban manusia menurut prinsip amal ihsan.

## SKOP KAJIAN

Kajian dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan teks *Hikayat Isma Yatim* yang telah ditransliterasikan oleh Ayu Nor Azilah (2003). Kajian berteraskan kepada pendekatan adab dari segi pembentukan amal ihsan. Amal ihsan merupakan kemuncak kesempurnaan ibadah dan kemuliaan akhlak yang menjadi sasaran setiap hamba Allah SWT untuk memperolehi keberkatan-Nya. Kajian ini juga akan melihat sudut akhlak seorang pemimpin. Pembentukan akhlak pemimpin berasaskan ajaran Islam akan melahirkan kualiti pemimpin yang lebih beretika dan berakhhlak tinggi (Tengku Intan Marlina & Salinah, 2012). Seterusnya, pendekatan adab yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001) digunakan kerana bersesuaian dengan ciri-ciri pemimpin yang memiliki akhlak yang baik dan melahirkan seorang pemerintah yang adil serta beradab yang perlu ada pada setiap raja dan pemerintah.

## PENDEKATAN ADAB

Pendekatan adab memiliki erti yang luas dan mendalam kerana pada awalnya perkataan adab membawa maksud undangan ke sebuah bankuet yang di dalamnya terkandung idea tentang hubungan sosial yang baik dan mulia. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, adab mempunyai perkaitan yang amat erat dengan ilmu ('ilm), kebijaksanaan (*hikmah*), keadilan ('*adl*) dan kebenaran (*haqq*). Oleh itu, sebagai manusia yang beradab seharusnya memiliki ilmu dan mengakui hak dan kedudukan itu dengan perbuatan ('*amal*). Justeru, pemimpin yang beradab harus bertindak memberikan hak dan kedudukan kepada mereka yang benar berhak.

Terdapat empat prinsip utama yang terkandung dalam adab yang perlu ditanam dalam diri setiap manusia. Prinsip-prinsip tersebut berdiri sebagai suatu hierarki yang perlu dicapai tahap demi tahap oleh setiap manusia sebelum layak digelar insan adabi. Keempat-empat prinsip insan adabi ini adalah '*ilm* (ilmu), *hikmah* (kebijaksanaan), '*adl* (keadilan) dan amal ihsan.

Ilmu menduduki darjat yang tertinggi kerana orang yang berilmu sentiasa dimuliakan oleh Allah SWT. Seseorang yang mempunyai ilmu secara tidak langsung menyerahkan kebijaksanaan dirinya. Kebijaksanaan dalam melakukan sesuatu tindakan akan mewujudkan sifat adil dalam diri seseorang. Keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempat yang benar (Wan Mohd Nor, 2005: 45). Sifat adil dalam diri seseorang amat penting supaya segala keputusan yang dilakukan berpaksikan kepada kebenaran dan keadilan. Prinsip ini berkait dengan prinsip ilmu dan kebijaksanaan. Secara tidak langsung, ketiga-ketiga prinsip ini akan menyerlahkan amal ihsan dalam kualiti diri seseorang (Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi, 2013; Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi, 2016).

Amal ditakrifkan sebagai perbuatan baik manakala ihsan bererti kebaikan. Amal ihsan amat penting kepada diri seseorang dalam melahirkan insan terpuji. Setiap amal harus dilakukan secara ikhlas kerana Allah akan memberikan ganjaran pahala. Syed Muhammad Naquib Al- Attas (2009: 9) memberi pengertian yang berkaitan dengan amal salih iaitu setiap tindakan insan yang baik bermula dengan niat, yang diamalkan dengan iltizam dan istiqamah,

bersesuaian dan bertepatan, berguna serta membawa manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat. Keempat-empat prinsip tersebut dilihat saling berkait rapat. Tambahan pula, prinsip-prinsip tersebut mempunyai satu hieraki yang perlu dicapai oleh seseorang insan melalui satu tahap kepada satu tahap yang lain secara berperingkat.

Akhhlak pula dertiikan sebagai budi pekerti, kelakuan, tabiat serta segala gerak laku perbuatan yang telah menjadi adat kebiasaan atau keadaan kejawaan yang akan terbitnya tingkah laku dan perbuatan manusia. Ibnu Maskawayh (1966) mendefinisikan akhlak sebagai keadaan jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Imam al-Ghazali di dalam kitabnya yang masyhur iaitu *Ihya Ulumuddin* telah menerangkan akhlak seperti berikut:

- Akhlak bererti mengubah jiwa daripada sifat yang buruk kepada sifat-sifat yang baik sebagaimana perilaku ulama, syuhada, shiddiqin dan nabi-nabi.
- Akhlak yang baik dapat mengadakan pertimbangan di antara kekuatan dalam diri manusia iaitu kekuatan berfikir, kekuatan hawa nafsu dan kekuatan marah. Akhlak yang baik seringkali menentang apa-apa yang digemari oleh kebanyakan manusia.
- Akhlak adalah kebiasaan jiwa yang tetap dan terdapat di dalam diri manusia. Ia mudah dan tidak perlu berfikir dan melahirkan tingkah laku manusia. Apabila lahir tingkah laku yang insaf dan terpuji maka dinamakan sebagai akhlak yang baik dan apabila tingkah laku itu keji maka dinamakan sebagai akhlak yang buruk.
- Tingkah laku itu adalah lukisan batinnya
- Al-Ghazali juga mengemukakan bahawa keperibadian manusia pada dasarnya dapat menerima suatu pembentukan tetapi lebih cenderung kepada kebajikan dibandingkan dengan kejahanan. Jika seseorang itu membiasakan diri dengan kejahanan, maka jahatlah kelakuannya dan demikianlah juga sebaliknya.
- Al-Ghazali juga mengutarakan pendapat bahawa akhlak itu dapat dilatih, dikuasai dan diubah ke arah akhlak yang mulia dan terpuji melalui latihan yang tertentu.

Oleh itu, pendekatan adab yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001) serta konsep akhlak yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali (1988) bersesuaian dengan akhlak yang dimiliki oleh seseorang pemimpin atau pemerintah yang terdapat dalam teks *Hikayat Isma Yatim*. Melalui pendekatan adab yang dikemukakan, akhlak mulia yang dimiliki oleh pemimpin seperti Isma Yatim wajar diteladani kerana akhlak yang baik akan membentuk keperibadian pemerintah untuk melakukan keadilan dalam seluruh aspek kehidupan.

### **AMAL IHSAN DALAM HIKAYAT ISMA YATIM**

Seorang pemimpin yang berakhhlak perlu mempunyai amal ihsan. Amal ihsan merupakan tahap tertinggi dalam prinsip pendekatan adab yang diperkenalkan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2002). Prinsip amal ihsan didefinisikan sebagai mengerjakan amal kebaikan dengan penuh khusyuk, ikhlas kerana Allah serta yakin Allah sentiasa mengawasi setiap tindakan manusia (Muhd Norizam Jamian, 2012: 18). Amal bermaksud perbuatan iaitu saling berhubung dengan prinsip ilmu, kebijaksanaan dan keadilan yang berlaku dalam kehidupan manusia. Justeru itu, semua prinsip tersebut harus dicapai sebelum seseorang itu layak digelar sebagai insan adabi. Seseorang yang mempunyai ilmu akan dapat menyerahkan

kebijaksanaan sekali gus dapat melahirkan individu yang adil dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan. Secara tidak langsung, apabila ketiga-tiga prinsip tersebut terdapat dalam diri seseorang, akan terlahirlah seseorang yang ikhlas dalam melakukan kebaikan yang sering dikaitkan dengan prinsip amal ihsan (Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian, 2016).

Berlandaskan prinsip pendekatan adab, manusia yang beradab adalah manusia yang mengenal Tuhan-Nya, mengenal dan mencintai Nabi, menjadikan Nabi S.A.W sebagai *uswah hasanah*, menghormati para ulama sebagai pewaris Nabi serta meletakkan ilmu pada tempat yang terhormat. Selain itu, manusia diwajibkan menjalankan fardu ain dan fardu kifayah serta mampu menjalankan tugasnya sebagai *Khalifatullah fil-ardh* dengan baik (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2001: 118-120). Hal ini kerana prinsip amal ihsan penting dalam proses membentuk insan yang memiliki akhlak yang mulia dan terpuji.

### **Hubungan Manusia dengan Allah (*Hablumminallah*)**

Hubungan dengan Allah SWT merupakan suatu hubungan berbentuk vertikal yang meletakkan manusia sebagai hamba yang perlu tunduk, patuh dan mentaati setiap perintah-Nya. *Hablumminallah* berkait rapat dengan perjanjian seseorang manusia dengan Allah SWT sebelum dilahirkan di muka bumi lagi. Oleh sebab itu seorang mukmin harus memahami bagaimana hubungan yang seharusnya dibina dengan Allah SWT sebagai Rabb-nya dan Ilah-nya. Dalam usaha membina hubungan tersebut, manusia harus lebih dahulu mengenal Allah. Apabila manusia mengakui kekuasan dan ilmu Allah, akan timbul rasa kagum dan takut kepada Allah SWT.

Hubungan manusia dan Allah itu ditandai dengan adanya kontrak kerja yang menjadi kewajiban manusia, iaitu amal salih. Manusia terikat dan terlibat dalam amal amal yang bersifat umum (ibadah) mahupun amal khusus (dakwah). Amal tersebut bukan sahaja untuk dirinya sendiri tetapi juga untuk mengajak orang lain untuk beribadah. Di dalam al-Quran, Allah mengibaratkan hubungan manusia (mukmin) dan Allah itu adalah seperti hubungan tijarah (jual beli) yang akan menyelamatkan orang-orang mukmin dari azab api neraka. Jual beli itu berupa keimanan kepada Allah SWT dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa. Selain itu, Allah juga mengibaratkan amal salih seorang mukmin sebagai pinjaman yang diberikan kepada Allah. Hakikatnya, semua yang berada di bumi hanyalah pinjaman daripada-Nya dan manusia telah diamanahkan supaya menjaga harta ini sebaik-baiknya. Allah telah menyediakan ganjaran yang berlipat ganda kepada umat-Nya yang mentadbir bumi ini dengan baik. Oleh itu, untuk bergelar insan adabi, seseorang insan perlu mengamalkan sifat-sifat mahmudah seperti tawaduk, tawakal, mempunyai ilmu agama yang tinggi, ikhlas, menasihati dan pemurah dalam menjalin hubungan dengan Allah. Semua sifat ini dapat dilihat dalam *Hikayat Isma Yatim*.

### **Tawaduk**

Amal ihsan dalam diri Isma Yatim terserlah dengan sifat tawaduk yang dimilikinya. Tawaduk secara bahasa membawa maksud merendah hati. Secara istilah, tawaduk adalah sikap merendahkan hati, baik di hadapan Allah SWT mahupun sesama manusia. Manusia yang menyedari akan hakikat kejadian dirinya tidak akan pernah mempunyai alasan untuk merasa lebih baik antara yang satu dan yang lainnya. Firman Allah SWT (*Surah al-Furqan*: 63):

“Dan hamba-hamba Tuhan Yang Maha Penyayang itu (ialah) orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila ada orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata yang baik.”

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT memerintahkan umat-Nya untuk merendahkan hati sesama manusia dengan cara mengucapkan kata-kata yang baik dan lemah lembut. Hikayat ini banyak menyerlahkan sifat tawaduk Isma Yatim. Walaupun dikurniakan akal yang bijaksana dan kedudukan tertinggi dalam istana, Isma Yatim tidak pernah lupa dan lalai untuk berbakti kepada Allah SWT. Kebesaran pangkat yang dimiliki olehnya dianggap sebagai anugerah yang bersifat hanya sementara di dunia. Justeru itu, Isma Yatim sentiasa melakukan ibadah kepada Allah SWT dan berdoa untuk kesejahteraan diri, raja dan negaranya. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 130):

Setelah demikian ibarat Isma Yatim itu maka ia pun sujud ke hadrat Tuhan Seri Alam Sekalian maka dipohonkannya di dalam sujudnya itu, “Ya Ilahi Yazi Ya Mulia Ya Tuhanmu, jauhkan apalah aku daripada bebal dan sia-sia itu. Ya Tuhanmu, Engkau juga yang menyempurnakan pekerjaan hamba mu.”

Hal ini turut dipotret dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 199):

Setelah hari hampir siang maka Isma Menteri pun mandi dan mengambil air sembahyang, berbuat taat, mengucap istighfar dan selawat serta minta doa katanya, “Ya Ilahi Yazi Ya Sidi Ya Tuhanmu, tambah apalah kiranya kebesaran dan kemuliaan raja di dalam negeri ini dan Engkau masukkan adil baginya. Jauhkan ia daripada seterusnya.”

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa setiap amalan yang dilakukannya sama ada untuk kepentingan raja, rakyat dan dirinya sendiri dan tidak pernah melupakan Allah SWT dalam setiap pekerjaan yang dikerjakannya. Beliau sering menunaikan solat hajat dan berdoa dikurniakan petunjuk agar setiap keputusan yang dibuat adalah betul. Malah, sifat mulia Isma Yatim terserlah apabila beliau mendoakan kesejahteraan raja supaya dirahmati oleh Allah dan adil dalam memerintah negara. Ketika peristiwa Tuan Puteri Ratna Kendi difitnah, Isma Yatim telah menunaikan solat hajat untuk memohon petunjuk daripada Allah SWT supaya dapat menyelamatkan nyawa tuan puteri tersebut. Perlakuan Isma Yatim yang mengerjakan solat hajat membuktikan bahawa beliau merupakan seorang yang mempunyai pegangan agama yang kuat dalam dirinya.

### Ketinggian Ilmu Agama

Isma Yatim bukan sahaja memiliki kemewahan dan pangkat, malah beliau turut mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang ilmu agama. Isma Yatim dan isterinya, Dewi Sederhana sangat menitipkan ajaran agama Islam seperti mengaji dalam mendidik anak-anak. Isma Yatim telah mengumpulkan kanak-kanak untuk diajar di dalam istana. Tindakan Isma Yatim wajar dipuji kerana untuk mendidik kanak-kanak harus bermula sejak kecil lagi. Dewi Sederhana turut membantu Isma Yatim mendidik dan mengajar mengaji kanak-kanak

termasuklah Tuan Puteri Dewi Iram Durja dan Tuan Puteri Puspa Ratna Kemala. Malah, Isma Yatim turut mengarang pelbagai hikayat untuk didengarkan kepada semua kanak-kanak tersebut seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 238):

Demikianlah Isma Menteri meramaikan istana raja itu dan Dewi Sederhana pun mengajar anak orang itu mengaji. Maka dilihat oleh Tuan Puteri Dewi Iram Durja mengaji itu maka Tuan Puteri Puspa Ratna Kemala pun belajar mengaji dan segala kanak-kanak itu pun semuanya mengaji. Setelah tahulah mengaji dan menyurat maka Isma Menteri pun mengarang berbagai-bagai hikayat perinya mengajar Tuan Puteri Puspa Ratna Kemala dan segala kanak-kanak itu tahulah semuanya. Demikianlah diceterakan oleh orang yang empunya cetera ini.

Selain memaparkan ketinggian ilmu Isma Yatim, *Hikayat Isma Yatim* turut memaparkan tentang pemerintah yang memiliki ilmu agama yang tinggi. Raja Indera Mempelai digambarkan sebagai seorang raja yang alim serta taat pada perintah Allah SWT dengan menunaikan solat, membaca kitab agama, membaca Al-Quran dan mengamalkan sifat terpuji. Ketinggian ilmu agama yang dimiliki oleh Raja Indera Mempelai menyebabkannya dikagumi oleh pendeta-pendeta lain seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 271):

Akan baginda itu bernama Raja Indera Mempelai kerana baginda itu apabila pagi-pagi hari maka baginda pun memakai pakaian pendeta daripada serban dan jubah dan gemar kilat bau-sebai yang keemasan terlalu indahnya perbuatannya. Maka baginda pun duduk membaca Quran dan kitab, dan tafsir dan hikayat dihadap oleh segala pendeta ilmu dan fakih dan ulama dan segala pendeta ilmu dan segala anak raja-raja menteri hulubalang sekalian berakhbar kepada baginda itu.

### Tawakal

Tawakal berasal dari perkataan Arab, *wakalah* yang bererti memilih wakil, mewakilkan atau menyerahkan urusan kepada pihak yang lain. Dalam agama Islam, tawakal adalah sikap seseorang insan yang ikhlas dan benar-benar menyerah diri sepenuhnya kepada kekuasaan Allah dalam menghadapi sebarang kesusahan yang berlaku. Malah ia akan menjurus kepada menghayati fitrah sebenar kejadiannya sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang mempunyai kelemahan dan kekurangan. Imam al-Ghazali (1988) merumuskan tawakal ialah menyandarkan kepada Allah SWT tatkala menghadapi suatu kepentingan, bersandar kepada-Nya dalam waktu kesukaran, teguh hati ketika ditimpa bencana disertai jiwa yang tenang dan hati yang tenteram. Insan yang bertawakal bererti beliau telah menyempurnakan keyakinannya kepada Allah SWT untuk menghadapi segala rintangan dalam kehidupan. Dalam teks *Hikayat Isma Yatim*, soal tawakal menjadi inti pati penting dalam cerita tersebut dan disampaikan menerusi watak Isma Yatim. Peristiwa Tuan Puteri telah difitnah oleh permaisuri telah meningkatkan sifat tawakal Isma Yatim kepada Allah SWT. Isma Yatim telah memohon dan berdoa kepada Allah supaya diberikan petunjuk dan jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa Isma Yatim percaya dengan kekuasaan Allah SWT yang akan membantu hambanya yang berada di dalam kesusahan seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 209):

Maka Isma Menteri pun mengambil air sembahyang dua rakaat salam lalu minta doa memohonkan akal yang sempurna pada membicarakan pekerjaan ini. Maka dianugerahkan Allah Taala akal yang sempurna seraya berfikir, “Baiklah rambut isteriku ini aku gantikan. Kuberikan kepada raja dan akan Tuan Puteri ini aku taruhkan di dalam gedung. Maka isteriku ini menunggu kuburnya Tuan Puteri itu. Insya-Allah Taala, Tuan Puteri itu pun tahulah salah dan benarnya.”

Isma Yatim memohon pertolongan daripada Allah SWT agar dikurniakan akal yang sempurna supaya beliau dapat membuat sesuatu keputusan dengan tepat tanpa perlu membunuh Tuan Puteri atas perintah raja. Isma Yatim tidak melakukan keputusan secara terburu-buru sebaliknya beliau telah menunaikan solat terlebih dahulu dan memohon doa kepada yang Maha Kuasa. Berkat doanya kepada Allah SWT, beliau akhirnya mendapat jalan untuk menyelamatkan nyawa tuan puteri tersebut.

Isma Yatim telah dititahkan oleh raja untuk membantu negeri Indera Kaila daripada diserang oleh Raja Rom Separdan. Sewaktu Isma Yatim hendak memasuki negeri Rom, beliau telah menunaikan solat subuh terlebih dahulu serta berdoa kepada Allah supaya urusan mereka dipermudahkan dan dihindarkan daripada segala ancaman bahaya. Malah, Isma Yatim memohon kepada Allah agar Raja Rom serta rakyat jelata tidak akan mencederakan Isma Yatim serta para pengikutnya kerana tujuan mereka memasuki ke kota tersebut adalah untuk berbincang secara baik tanpa berlaku sebarang pertumpahan darah dan perperangan. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 186-187):

Hatta maka datanglah pada waktu awal subuh maka segala hulubalang itu pun masing-masing memakai senjatanya. Maka pada waktu siddiq maka Isma Yatim pun sembahyang subuh serta minta doa demikian katanya. “Ya Ilahi Ya Rabbi Ya Siddiq Ya Tuhanaku, apalah kiranya hambamu masuk ke dalam kota negeri, Raja ini suatu pun jangan berbahaya dan senjata pun jangan binasa dan segala rakyat pun jangan berbahaya dan senjata pun jangan binasa dan segala rakyat pun jangan berbahaya. Dengan mudahnya Engkau anugerahkan raja ini di dalam tangan hambamu, Insya-Allah Taala.” Maka segala mereka itu pun mengatakan, “Amin, amin.”

Peristiwa sewaktu Raja Dewa Syahdan telah disembunyikan oleh hantu jembalang telah menunjukkan sifat tawakal Raja Dewa Syahdan kepada Allah SWT. Walaupun dikurung di dalam gua, Raja Dewa Syahdan tidak lupa untuk menunaikan solat. Apabila menyedari dirinya berada dalam kesusahan, Raja Dewa Syahdan telah menunaikan solat untuk memohon pertolongan kepada Allah SWT supaya dapat membebaskan diri daripada genggaman hantu jembalang tersebut. Berkat pertolongan daripada Allah, Raja Dewa Syahdan berjaya mendapat helah untuk melepaskan diri daripada Dang Siti (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 312):

Maka baginda pun diam ingat akan Tuhan Seru Alam sekalian. Maka Dang Siti memandang kepada muka baginda maka Dang Siti pun datanglah takutnya kepada baginda. Tiada boleh kerana pada waktu itu Dewa Syahdan hatinya tengah menghadap ke hadrat Allah Taala. Syahdan maka Dang Siti pun tiada berani berkata-kata jahat kepada baginda itu. Setelah sudah baginda bertafakur, maka baginda pun berkata-kata dengan Dang Siti berdua-dua seraya tersenyum padanya, katanya, “Hai

Dang Siti, akan sekarang ini aku hendak balik ke perahu ku. Diberi baik, tiada diberi baik."

### Ikhlas dan Menasihati

Menurut Abdul Aziz Ismail (2006), sifat ikhlas melambangkan kesucian sesuatu kebajikan itu sama ada hubungan dengan Allah SWT mahupun sesama manusia. Ikhlas menurut bahasa adalah tulus hati, membersihkan hati dan memurnikan niat. Menurut istilah, ikhlas bererti mengerjakan amal ibadah dengan niat hanya kepada Allah untuk memperoleh keredaan-Nya. Melalui *Hikayat Isma Yatim*, sifat ikhlas dapat dilihat dalam diri Isma Yatim. Isma Yatim melakukan pekerjaannya dengan niat ikhlas kerana Allah. Sewaktu diminta oleh raja untuk menemui nakhoda kapal yang berlabuh di Inderapura, beliau menerima arahan tanpa sebarang bantahan. Malah, beliau menyambut kedatangan nakhoda tersebut dengan penuh adab dan hormat. Tingkah laku Isma Yatim yang berbudi menyenangkan hati nakhoda tersebut. Sikap yang ditunjukkan oleh Isma Yatim membezakan dirinya dengan hamba lain. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 9-10):

Setelah demikian fikirnya Isma Yatim pun berkata katanya, "Hamba ini jangan tuan hamba sangka seperti hamba raja yang lain kerana hamba datang ini minta kenalkenali kenali tuan kerana kita laki-laki ini panjang perjalanannya. Bermula jikalau ada barang kerja tuan hamba iaitu pada negeri ini, Insya-Allah Taala maka patutlah hamba kerjakan. Syahdan jikalau pada negeri tuan hamba pun demikian lagi tuan hamba mengasih hamba."

Setelah itu maka nakhoda itu pun menunjukkan tempat sirih maka segera disambut oleh Isma Yatim dengan takzimnya seraya dimakannya sirih itu. Maka nakhoda kapal itu pun fikir di dalam hatinya, "Terlalu baik sekali budi bahasanya hamba raja ini tiadalah seperti hamba raja yang lain-lain aku lihat dan mukanya pun terlalu manis dan perkataannya pun memberi manfaat dengan melembutkan hati orang."

Dalam bahasa Arab, nasihat membawa maksud yang dinasihati akan mendapat faedah daripada nasihat yang telah diberi. Ia juga membawa erti bahawa yang menasihati hendaklah menggunakan perkataan yang terbaik dan ikhlas serta bersih dari maksud yang tidak baik. Selain memiliki sifat ikhlas, Isma Yatim juga merupakan seorang pemimpin yang sering memberikan nasihat kepada orang lain supaya melakukan kebaikan dan meninggalkan segala keburukan. Salah satu contoh adalah sewaktu Isma Yatim menasihati Tun Mahabat Laila. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 144):

Maka kata Tun Mahabat itu, "Inilah syarat segala orang yang diperhamba raja yang tuan hamba katakan kepada hamba, "Maka kata Isma Yatim, " Jikalau tuan hamba terpandang pada segala dayang-dayang raja yang baik parasnya hendaklah tuan hamba tunduk serta memuji Allah Subhanahu wa Taala dan minta doa akan raja supaya hilang pada hati rupanya itu dan cintamu tatkala tunduk itu. Demikianlah rupa seorang hambanya dijadikan beberapa yang menjadikan lagi eloknya kerana raja itu dimuliakan Allah Taala akan dia. Demikianlah adanya fikirlah tuan hamba sedang Allah Subhanahu wa Taala lagi permuliakan raja ini, konon, kita hamba yang hina tiada dipermuliakan dia. Syahdan maka minta doalah kita akan dia serta sujud engkau dengan percintaanmu yang amat tinggi, Ya Ilahi Yazi Ya Sidi Ya Tuhanmu, bukakan

apalah hati hambamu melainkan engkau perbuatannya yang keji di dalam dunia dan di dalam akhirat. Engkau tambah lagi akan kebesarannya, kemuliaannya, dan jikalau kena daripada segala seterunya dan engkau lanjutkan umurnya supaya banyak hambamu berbuat kebaktian berganda-ganda. Demikianlah hai Tun Mahabat Laila itu.”

Isma Yatim telah memberi nasihat dengan mlarang Tun Mahabat Laila melakukan perbuatan yang keji iaitu bermukah atau berzina. Setelah menyatakan beberapa contoh dan kebarangkalian yang bakal berlaku sekiranya Tun Mahabat berzina, Isma Yatim turut memberi keterangan dan nasihat yang berkaitan dengan hukum serta agama kepada Tun Mahabat. Kepetahan bicara Isma Yatim tentang ilmu agama menggambarkan bahawa beliau mempunyai pengetahuan yang tinggi. Beliau telah menghurai satu persatu mengenai ajaran Islam dan turut menasihati agar Tun Mahabat menggelakkkan diri daripada terus melakukan dosa. Beliau turut menjelaskan bahawa Allah SWT Maha Adil dan tidak akan membebankan umatnya melebihi daripada kemampuan mereka. Sebagai seorang pemimpin, Isma Yatim telah menjalankan tanggungjawab untuk yang diberikan dengan sebaik mungkin dan melakukannya dengan niat ikhlas untuk mendidik dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

### Pemurah

Sifat pemurah adalah sifat mahmudah yang sangat dituntut oleh Islam. Pepatah ada mengatakan “tangan yang di atas lebih baik daripada tangan di bawah”. Seorang Muslim mestilah bersifat pemurah, sanggup berkorban jiwa dan harta bendanya pada jalan Allah. Setiap rezeki yang dimiliki oleh seseorang insan hanyalah pinjaman daripada Allah SWT untuk diurus sebaik-baiknya. Sabda Rasulullah SAW bermaksud (Hadis Riwayat Tarmizi):

“Orang yang pemurah itu dekat dengan Allah, dekat dengan manusia dan jauh daripada api neraka. Orang yang kedekut itu jauh daripada Allah, jauh daripada manusia dan dekat dengan neraka. Sesungguhnya orang yang bodoh tetapi pemurah itu lebih disayangi Allah daripada seorang abid yang bakhil.”

Sukakan harta (*hubbul mal*) merupakan fitrah semula jadi manusia sebagai alat bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Namun untuk mencapai kebahagiaan itu, seorang insan itu harus memberi sumbangan dan sedekah kepada orang yang memerlukan bantuan. Harta yang dimiliki hanyalah pinjaman daripada Allah dan sekiranya harta tersebut tidak dibelanjakan dengan baik Allah akan menarik balik harta tersebut. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang pemurah dan prihatin terhadap kebajikan rakyat dan negerinya. Misalnya dalam *Hikayat Isma Yatim*, sifat pemurah ditonjolkan dalam watak Raja Indera yang prihatin dengan kebajikan rakyatnya. Sifat yang dimiliki oleh raja menunjukkan beliau seorang yang peka dengan masalah rakyat yang masih dibelenggu kemiskinan dan dengan sedekah yang diberikannya mampu meringankan beban yang dihadapi oleh mereka. Bahkan raja turut memberi hadiah persalinan kepada seluruh isi istana yang menunjukkan kebaktian kepada raja. Anugerah yang diberikan oleh raja menunjukkan bahawa raja menghargai pengorbanan yang dilakukan oleh para pengikutnya untuk memastikan keamanan negeri Inderapura (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 177):

Arakian maka baginda pun memberi anugerah persalinan akan segala raja-raja dan perdana menteri dan hulubalang sekalian dengan pakaian yang indah-indah masing-masing dengan kadarnya. Setelah itu maka baginda pun memberi sedekah akan segala fakir dan miskin dan memberi persalinan pula akan segala pendeta, alim mutakalim. Kemudian maka Isma Yatim pun dikurniakan isteri dan nakhoda kapal itu pun dianugerahi isteri lalu digelar baginda Menteri Arikah.

### Hubungan Manusia Sesama Manusia (*Hablumminannas*)

*Hablumminannas* merupakan salah satu kewajiban bagi setiap muslim. *Hablumminannas* dimaksudkan sebagai hubungan antara manusia dengan manusia. Apabila seseorang manusia itu memperbaiki hubungannya dengan Allah, nescaya Allah akan memperbaiki hubungannya sesama manusia. Malah di dalam al-Quran telah dinyatakan dengan jelas mengenai kepentingan *hablumminannas* yang wajar diikuti oleh seorang manusia seperti mendahulukan kepentingan orang lain, berbuat baik adalah sesama manusia, menyempurnakan takaran (ukuran, sukatan) dan timbangan, tidak merugikan orang lain, memberikan sebahagian rezeki kepada orang lain (zakat dan derma) serta saling tolong-menolong dan kasih sayang. Dalam konteks menjalin perhubungan baik antara sesama manusia, Allah SWT berfirman:

“Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kalian daripada seorang lelaki dan seorang perempuan (Adam dan Hawa), dan Kami jadikan kalian berbagai bangsa dan suku agar kalian saling kenal-mengenali (antara satu sama lain).”

Islam memperuntukkan peraturan atau undang-undang dalam sistem kehidupan sosial yang adil dan harmoni yang disebut sebagai *Syari'at Islamiyyah*. Semua perkara dalam hal ini terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis. Semuanya adalah untuk kebaikan, kebajikan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Untuk kesejahteraan ummah, Islam menganjurkan penganutnya agar saling menjalinkan kasih sayang (mahabbah), hormat-menghormati, bekerjasama, bertimbang rasa, tolong-menolong, nasihat-menasihati dan bersangka baik antara satu sama lain. Islam menekankan agar manusia melakukan perbuatan yang akan menyenangkan hati dan membahagiakan kehidupan manusia yang lain.

Sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi, manusia bertanggungjawab menunaikan amanah Allah untuk melestarikan alam dan menjalin hubungan baik sesama manusia serta makhluk lainnya. Justeru manusia harus mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk mengurus, mentadbir dan memahami tabii alam semesta ini. Untuk menjalin hubungan sesama manusia hendaklah berpaksikan kepada prinsip-prinsip keadilan, saling menghormati dan memberi manfaat kepada orang lain. Rasulullah SAW berkata “Orang yang terbaik di antara kamu adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain.” Oleh itu, manusia harus mengaplikasikan prinsip *hablumminannas* dalam kehidupan sehari-hari kerana Allah memberi ganjaran kepada umat-Nya yang menjalin hubungan dengan manusia lain. Rasulullah SAW telah bersabda:

“Mukmin dengan mukmin itu umpama bangunan, sebagiannya saling berkaitan dengan bahagian yang lain”; dan “Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.”

Untuk mengekalkan perpaduan ummah, Islam melarang sebarang perbuatan yang merupakan penindasan, penipuan atau penganiayaan antara satu sama lain, seperti rasuah, menabur fitnah, makan riba dan makan harta anak yatim. Oleh itu, manusia yang beriman akan mengamalkan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan sehari-hari. Antara sifat-sifat mahmudah yang harus dimiliki oleh seorang insan dalam menjalin hubungan sesama manusia adalah seperti bijaksana, amanah, hormat-menghormati, kesetiaan kepada raja dan berlaku adil. Semua sifat ini dapat dilihat dalam *Hikayat Isma Yatim*.

### Bijaksana

Isma Yatim mempunyai kelebihan dan digambarkan sebagai seorang yang berilmu dan bijaksana. Kelahiran Isma Yatim ditandai dengan alamat yang ajaib bahawa Isma Yatim akan menjadi insan yang bijaksana. Malah, semasa kanak-kanak, Isma Yatim telah dihantar mengaji dengan Mualim Sufian dan fasih mengaji dalam masa yang singkat. Isma Yatim dikurniakan oleh Allah SWT kelebihan akal yang luar biasa berbanding kanak-kanak lain. Kebijaksanaan Isma Yatim terserlah apabila beliau mengarang sebuah hikayat untuk tatapan kanak-kanak (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 2):

Maka ia pun fikir di dalam hatinya, “Baiklah aku ini mengarang suatu hikayat yang memberi nasihat supaya segala kanak-kanak itu tahu membaca hikayat.” Setelah demikian fikirnya syahdan maka Isma Yatim pun menyurat suatu hikayat yang indah-indah memberi hati segala kanak-kanak itu rajin dan suka membaca dia. Setelah sudah maka diberikannya kepada segala kanak-kanak. Maka sekalian kanak-kanak itu pun tahu ia berhikayat dan daripada ibu bapanya mendengar hikayat yang indah-indah itu maka sekalian ibunya kanak-kanak itu pun terlalu amat sukacitanya sebab anaknya itu tahu membaca segala hikayat.

Hikayat yang dikarang oleh Isma Yatim telah menimbulkan keinginan membaca dalam kalangan kanak-kanak. Hikayat yang dihasilkan oleh beliau mampu menarik minat kanak-kanak kerana keindahan bahasa yang digunakan oleh Isma Yatim. Malah, kanak-kanak sudah pandai membaca hikayat dan ini amat menggembirakan hati ibu bapa kanak-kanak tersebut. Isma Yatim turut dijadikan sebagai guru kepada kanak-kanak yang terdiri daripada semua golongan. Anak-anak raja, hulubalang, menteri-menteri semuanya menerima didikan dari Isma Yatim. Isma Yatim telah memanfaatkan ilmu yang dimiliki olehnya untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Malah, Isma Yatim turut mengarang hikayat yang memberi nasihat dan pengajaran untuk golongan raja (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 3):

Dan beberapa lamanya itu maka ia pun fikir di dalam hatinya. “Baiklah aku ini mengarang suatu hikayat yang memberi nasihat dan pengajaran akan segala raja-raja supaya ada juga kurnianya raja-raja itu kepada aku.” Telah demikian fikirnya Isma Yatim maka ia pun mengarang-ngarangkan hikayat daripada akal sempurna pada perintah segala raja-raja. Setelah sudah maka hikayat itu dibawanyalah kepadanya Perdana Menteri yang budiman. Maka kata Isma Yatim, “Ya Perdana Menteri, persesembahkan apalah hikayat ini ke bawah duli yang dipertuan kerana suatu pun tiada pada hamba melainkan inilah hikayat akan kebaktian patik.”

Isma Yatim menyerahkan hikayat yang telah dikarangnya kepada Perdana Menteri untuk dipersembahkan kepada raja. Kebijaksanaan mengarang Isma Yatim terbukti apabila Perdana Menteri membacakan di hadapan raja dan raja sangat tertarik dengan isi kandungan hikayat tersebut. Bahasa yang digunakan dalam hikayat tersebut sangat indah dengan susunan cerita yang menarik. Melalui kebijaksanaan Isma Yatim menggunakan mata penanya telah membolehkan beliau diterima masuk dan bertapak dalam istana.

Selain bijaksana dalam ilmu mengarang hikayat, Isma Yatim turut bijaksana dalam mengatur strategi dalam menghadapi perperangan. Perkara ini terbukti apabila Isma Yatim diminta oleh raja supaya membantu negeri Indera Laila daripada diserang oleh Rom dan mengelakkan daripada berlakunya perperangan antara dua negeri tersebut. Beberapa strategi telah dirancang oleh Isma Yatim seperti mengarahkan Iyar untuk menyamar sebagai rakyat raja Rom dan mengintip segala pergerakan rakyat Rom. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 182-183):

Maka kata Isma Yatim kepada Iyar, “Pergilah engkau kepada rakyat Raja Rom Separdan itu, bawa olehmu seorang utusan. Setelah semalam engkau ke dalam maka menyamarlah engkau di dalam rakyat banyak itu. Maka lihat olehmu segala tanggal-tanggalnya surat dan tulis pada utusan ini. Jangan lagi bersalahan sekaliannya engkau surat tuliskan. Setelah sudah maka segeralah engkau kembali kepada aku dan bawa olehmu naskhah dan tanggal itu.

Setelah mendapat maklumat daripada Iyar bahawa askar Rom akan tiba dalam masa 10 hari lagi, Isma Yatim telah mengatur strategi lain. Beliau telah menyuruh Iyar tersebut tinggal di negeri Indera Kaila dan membahagikan kota tersebut kepada empat bahagian. Malah, mereka diminta membuat patung berupa manusia dan memasang api di seluruh kota bagi mengaburi mata pihak musuh. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 184):

Maka kata Isma yatim kepada Iyar itu, “Tinggallah engkau pada negeri ini dengan seratus orang sertamu dan bahagi olehmu pada empat mazhab kota ini. Seratus orang engkau suruh jadikan api di atas larian kota itu dan perbuat pula patung pada seorang sepuluh patung. Maka dituriskan di atas kota itu dan engkau palu segala bunyi-bunyian ini biar azamat dan engkau suruh goncang segala pintu kota itu. Maka yang seratus orang itu engkau suruh berkawal. Setelah hampir lasykar Raja Rom itu di luar kota maka tinggalkan negeri ini. Engkau ikutlah jalan ini.”

Petikan tersebut membuktikan bahawa Isma Yatim bijak dalam merancang strategi untuk mengaburi pihak musuh. Malah, kebijaksanaan Isma Yatim terserlah apabila beliau berjaya memujuk Raja Rom supaya menghentikan perperangan dan menjalinkan hubungan yang baik dengan Raja Indera Kaila. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 188):

Arakian maka raja pun bertitah, “Janganlah engkau sekalian melawan lagi”. Maka kata biduanda itu pun pergilah kepada segala menteri dan segala hulubalang. Setelah sampai kepada segala lasykar penunggu pintu kota mereka itu maka ia pun berseru katanya, “Hai segala menteri dan segala hulubalang sekalian ia pun titah yang

dipertuan itu, jangan melawan lagi,” seraya ditunjukkannya cincin itu kepada tangan menteri.

Isma Yatim menggunakan kebijaksanaannya dalam berbicara untuk menasihatkan Raja Rom untuk menghentikan perperangan yang membawa kepada kebinasaan. Akhirnya, Raja Rom bersetuju dengan cadangan Isma Yatim setelah melihat kebijaksanaan dan kejujuran yang ditunjukkan olehnya. Disebabkan oleh kebijaksanaannya merancang strategi, beliau dapat mengalahkan pihak musuh tanpa pertumpahan darah malah Isma Yatim menjalin hubungan persahabatan dengan mereka.

Dalam Islam, menjadi pemimpin bukan hanya satu anugerah tetapi juga satu amanah Allah SWT. Kurniaan ini bukanlah untuk dibangga-banggakan, sebaliknya ia datang dengan satu tanggungjawab yang besar. Hal ini jelas dalam firman Allah SWT (*Surah al-Anaam*: 165):

Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjah, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

### Amanah

Sifat amanah adalah sifat mulia yang adalah dituntut dalam Islam. Oleh itu, seseorang mukmin perlu memastikan sifat amanah ada pada diri mereka. Sifat amanah adalah antara sifat yang dituntut oleh Islam iaitu pada setiap orang sama ada orang bawahan atau orang atasan. Sifat amanah juga harus ada dalam keperibadian setiap individu supaya terjalin hubungan sesama masyarakat yang dapat mewujudkan suasana harmoni dalam kehidupan. Dengan memiliki sikap yang amanah akan terjalin sikap saling percaya, berfikiran positif, jujur dan keterbukaan minda yang pada akhirnya akan terbentuk model masyarakat aman, damai dan sejahtera. Sifat amanah yang dimiliki oleh Isma Yatim ternyata jelas terpancar melalui amal ihsan yang ditonjolkan oleh pengarang. Isma Yatim menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan penuh dedikasi dan ketelitian. Isma Yatim beranggapan bahawa kecuaian dan kesilapan sedikit yang terjadi akan menjelaskan imej raja serta negara di samping meninggalkan kesan buruk kepada pentadbiran negara. Atas alasan itulah Isma Yatim memperamat dengan teliti setiap kali permaidani dihamparkan ketika raja hendak bersemayam apabila dilantik sebagai penjaga permaidani. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 7):

“Sebab pun maka patik peramat-amati permaidani tempat syah alam kalau-kalau ada barang sesuatu yang memberi mudarat akan duli syah alam kerana tatkala syah alam semayam dihadap oleh segala raja-raja dan perdana menteri dan hulubalang, bidaunda sekalian. Maka pada masa itulah kalau-kalau ada yang memberi mudarat duli syah alam nescaya berubah wajah syah alam dan kedudukan syah alam jadilah murka tuanku pada patik kerana berubah wajah warna dan silaan tuanku. Nescaya hilanglah suatu rukun daripada raja-raja dan perdana menteri hulubalang itu.”

Menerusi petikan tersebut, jelas menunjukkan sikap Isma Yatim yang amanah sewaktu bertugas sebagai penghampar permaidani. Walaupun bertugas sebagai penghampar permaidani, Isma Yatim memahami bidang tugasnya dan alasan itulah beliau memerhati dengan teliti permaidani tersebut selepas menghamparnya. Kesilapan yang dilakukan semasa menjalankan tugas boleh menjatuhkan maruah raja dan negara. Perkara tersebut akan menyebabkan hilanglah satu rukun raja-raja yang duduk bersemayam di atas takhta ketika dihadap oleh menteri dan hulubalang.

Isma Yatim turut mengamalkan prinsip amanah dalam menguruskan harta. Sewaktu menjadi Perdana Menteri, beliau telah menjalankan amanah dengan baik dengan menggunakan harta negara tersebut untuk membuat perubahan kepada negara dan menjaga kebijakan rakyat. Pembaharuan yang dilakukan olehnya adalah seperti menghiasi penghadapan raja, istana, negara, kota, parit, pekan, lorong, pasar serta meluaskan sungai yang sempit dan membina jabatan baru untuk memberi keselesaan kepada rakyat. Hal ini dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 197):

Syahdan maka Isma Menteri itu pun menghiasi penghadapan raja, istana, negara, kota, parit, pekan, lorong, pasar, jalan yang suka-suka itu menjadi medan, beberapa sungai yang sempit menjadi luas dan beberapa jambatan yang buruk menjadi baharu pula. Sebermula maka apabila ada anak menteri mati ibu bapanya maka ada hartanya itu dibahagikan seperti hukum Allah Subhanahu wa Taala. Maka yang mana bahagi kanak-kanak itu diserahkannya oleh Isma Menteri kepada saudagar dan nakhoda disuruhnya perniagakan sehingga daripada tiap-tiap tahun daripada lebih hartanya itu akan makanannya dan pakaiannya dan belanjanya kanak-kanak itu dengan segala inang pengasuhnya.

Selain menguruskan penggunaan harta negara untuk kebijakan rakyat, Isma Yatim turut amanah dalam menguruskan harta anak menteri yang telah kematian ibu bapanya. Harta anak yatim (anak menteri) tersebut dibahagikan mengikut pembahagian yang ditetapkan oleh Allah dengan baik sehingga anak yatim itu cukup umur dan sudah tahu menguruskan harta tersebut dengan sebaik mungkin. Isma Yatim turut menyerahkan harta yang menjadi milik anak menteri itu kepada saudagar dan nakhoda untuk diniagakan. Lebihan harta tersebut akan digunakan untuk keperluan pakaian dan perbelanjaan termasuklah dengan kebijakan pengasuhnya. Sikap amanah yang ditunjukkan oleh Isma Yatim dalam menguruskan harta anak yatim ini dapat mengelak daripada berlakunya penindasan dan penyelewengan terhadap kanak-kanak tersebut. Tindakan tersebut dapat melindungi hak-hak anak yatim dan melindungi mereka yang telah kehilangan ibu bapa.

Isma Yatim juga bersikap amanah dalam memegang janji. Isma Yatim telah diamanahkan oleh raja supaya menjaga tuan puteri setelah raja mangkat. Sebelum raja mangkat, baginda telah memanggil Isma Yatim dan meminta beliau berjanji untuk menjaga tuan puteri, seluruh istana dan negara sebaik mungkin. Hal ini kerana raja yakin bahawa Isma Yatim mampu memikul segala amanah yang diberi. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 235-236):

Maka titah baginda, "Hai Isma Menteri, pada rasaku ini hampirlah penceraianku dengan engkau." Maka diambil oleh baginda tangan Isma Menteri dibubuhkan baginda di dadanya seraya baginda berpesan, "Isma Menteri, pertaruhan anakku itu

kepada engkau dan segala isi istana dan negeri baik-baik engkau peliharakan, jangan taksir dan muafakat dengan sekalian mereka itu.”

Selain itu, Isma Yatim turut mencari jodoh yang baik untuk tuan puteri. Beliau telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh seseorang anak raja yang ingin menjadi suami kepada tuan puteri tersebut. Sesiapa ingin memikat hati tuan puteri haruslah mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh Isma Yatim. Lima perkara itu ialah (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 278):

“Pertama-tama, baik bangsanya. Kedua, baik parasnya dan sikapnya. Ketiga, banyak hartanya. Keempat, baik fiilnya dan segala maklum kepada perintah majlis. Kelimanya, berilmu serta dengan adilnya dan murahnya.”

### **Hormat-menghormati**

Saling hormat-menghormati adalah salah satu sifat mahmudah atau sifat terpuji dalam Islam. Sifat saling hormat-menghormati ini harus ada pada diri seseorang Muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT. Sikap hormat-menghormati ini adalah antara ciri-ciri menampilkan seseorang yang berakhlaq mulia. Isma Yatim telah menunjukkan rasa hormatnya kepada raja yang mempunyai darjah yang tinggi. Beliau menjaga tangan dan kaki sewaktu menghadap raja kerana rasa hormatnya kepada raja. Hal ini jelas dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 198):

Sebermula apabila Isma Menteri menghadap raja dengan tujuh syarat dipakainya, pertama ia memeliha tangannya dan kedua, memeliharakan kakinya. Apabila ia keluar daripada penghadapan itu maka ia berdiri. Seketika datanglah orang menunggu penghadapan raja itu berhimpun duduk. Maka Isma Menteri pun mengajar mereka itu sekalian supaya jangan lupa mereka itu dan kepada segala orang yang bertunggu pintu raja itu pun diajari oleh Isma Menteri, “Hai segala kamu menunggu pintu duli yang dipertuan, baik-baik kawali pintu ini kerana atas batang lehermu jangan kamu lalaikan.”

Petikan tersebut menggambarkan bahawa Isma Yatim begitu mementingkan sifat hormat dalam dirinya. Selepas menghadap raja, Isma Yatim turut mengajar orang yang menunggu giliran menghadap raja serta penjaga pintu tentang adab-adab ketika menghadap raja. Malah, Isma Yatim turut memesan kepada penjaga pintu supaya sentiasa berjaga-jaga dan tidak lalai sewaktu menjalankan tugas. Hal ini kerana keselamatan raja harus diutamakan. Sekiranya penjaga pintu lalai ketika menjalankan tugas, keselamatan raja akan terancam dan negara akan mudah diserang musuh.

### **Kebaktian kepada Raja**

Isma Yatim telah membuat kebaktian kepada raja sewaktu memegang jawatan sebagai perbendaharaan raja. Terdapat banyak pembaharuan yang dilakukan oleh beliau semasa menjawat jawatan tersebut yang dilihat memberi penekanan kepada memeliha kebijakan raja dan rakyat (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 177-178):

Sebermula maka diceterakan oleh orang yang empunya cetera ini dan selamanya Isma Yatim memegang perbendaharaan raja yang empat buah gedung itu menjadi dua belas buah. Dan suatu gedung itu berisi senjata dan sebuah gedung berisi perniagaan seperti emas dan perak dan permata yang indah-indah daripada pakaian rambut baldu khatipah saf sakhlat ainulbanat cindai yang indah-indah.

Sebermula ada pun enam buah gedung lagi itu berisi emas dan perak, tembaga suasa. Sebermula ada pun selamanya Isma Yatim memegang perbendaharaan raja itu dan beberapa saudagar yang miskin menjadi kaya dan beberapa nakhoda yang miskin menjadi kaya dan segala anak yatim yang tiada berupaya menjadi bermodal. Syahdan maka segala hamba raja itu pun tiada susah lagi akan pakaianya dan segala hulubalang yang tiada berupaya itu pun berupayalah dan segala dayang-dayang, biti-bititi, perwara, sekalian isi istana tiada susah akan pakaian. Sebermula maka negeri itu pun terlalu makmurnya dan beberapa banyak saudagar di dalamnya dan bandarnya pun terlalu raya.

Syahdan maka kapal pun banyak datang masuk negeri itu dan pada masa Isma yatim memegang perbendaharaan itu. Maka titah baginda, "Hai Isma Yatim, engkau memegang perbendaharaanku itu sempurnalah kebaktianmu kepadaku tetapi sekarang engkau kujadikan hulubalang pula. Ada pun engkau memegang perbendaharaan aku itu akan teladan hambaku yang banyak itu barang siapa terserah kepadanya."

Antara pembaharuan yang dilakukan oleh Isma Yatim adalah telah meluaskan perniagaan empat buah gedung menjadi dua belas gedung besar yang mengandungi pelbagai jenis emas, tembaga, perak dan suasa. Malah, Isma yatim turut membantu saudagar dan nakhoda yang miskin sehingga menjadi kaya dan memberikan modal untuk bermiaga kepada anak yatim. Hamba-hamba yang susah dihulurkan bantuan oleh Isma Yatim. Tindakan Isma Yatim itu telah menyebabkan negeri tersebut menjadi makmur dan gemilang sewaktu berada di bawah pentadbirannya sehingga menarik perhatian saudagar dan nakhoda dari luar untuk datang ke negeri tersebut. Malah, kekayaan dan kemakmuran negeri kian bertambah kerana kebijaksanaan Isma Yatim mentadbir kerajaan.

Isma Yatim memulakan dengan jawatan yang paling rendah iaitu sebagai penghampar permaidani dan dinaikkan pangkat sebagai biduanda dan hulubalang. Dengan ilmu yang dimiliki, beliau dapat memartabatkan dirinya apabila berjaya menjawat jawatan yang paling tinggi iaitu sebagai Perdana Menteri. Pelantikan Isma Yatim sebagai Perdana Menteri dianggap sempurna dalam memberikan perkhidmatan kepada raja kerana itu merupakan jawatan tertinggi dalam negara dan dikurniakan raja dua martabat iaitu memerintahkan rakyat dalam negeri serta memerintah dalam kalangan istana seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 196):

Beberapa lamanya ia menjadi hulubalang, pada melawan seterunya itu maka pada suatu hari Isma Yatim pun dipanggil oleh raja. Maka ia pun datanglah lalu sujud menyembah. Maka titah baginda, "Hai Isma Yatim, ada pun engkau kujadikan hulubalang ini telah sempurnalah engkau berbuat kebaktian kepada aku. Beberapa negeri yang sudah engkau taklukkan dan ada pun sekarang ini engkau kujadikan pula Perdana Menteri Mangkubumi. Maka negeri ini pun aku serahkanlah kepadamu."

Maka baginda pun terlalu sukanya serta memberi persalinan akan Isma yatim pakaian yang mulia-mulia serta digelar baginda Johan Ariffin, dijadikan penghulu hulubalang kerana ia banyak mengetahui hikmat dan ilmu peperangan kerana banyak permainan diketahuinya selama bersama-sama dengan Isma yatim itu. Maka ia pun dianugerahi baginda itu pakaian yang indah-indah dan Isma Yatim pun anugerahi nama Isma Menteri itu dijadikan Perdana Menteri.

Hal ini turut dilihat dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 232):

Maka sempurnalah Isma Menteri itu dikurnia raja dua martabat, suatu memerintahkan segala rakyat yang dalam negeri dan kedua, memerintahkan segala isi istana.

### **Adil**

Selain membuat kebaktian kepada raja, Isma Yatim memiliki sifat adil dalam dirinya. Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempat yang benar dan tepat (Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos 2017). Justeru, Islam menganjurkan umatnya melaksanakan keadilan dalam setiap aspek kehidupan mereka. Tambahan pula, perintah itu datang seiringan dengan sifat Allah SWT sendiri yang Maha Adil dan mengharamkan Zat-Nya daripada melakukan kezaliman. Isma Yatim terkenal dengan sifat adilnya apabila akan menyiasat terlebih dahulu perkara tersebut sebelum menjatuhkan sebarang hukuman. Berlaku peristiwa di mana Tuan Puteri Ratna Kendi telah difitnah oleh permaisuri atas cubaan untuk membunuh raja. Raja sangat murka dan telah menitahkan supaya Isma Yatim membunuh Tuan Puteri Ratna Kendi.

Isma Yatim tidak melaksanakan perintah raja kerana beliau beranggapan bahawa tuan puteri tidak bersalah dan akan menyiasat terlebih dahulu perkara ini sebelum menjatuhkan hukuman. Tindakan Isma Yatim yang bijak telah menyelamatkan tuan puteri daripada dibunuh dengan menyembunyikannya di sebuah rumah di tengah-tengah kebun sehingga melahirkan seorang puteri. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 215):

Alkisah maka tersebutlah perkataan Tuan Puteri Ratna Kendi hamil itu. Setelah sudah Isma Menteri berbuat taman itu maka Tuan Puteri pun beranaklah seorang perempuan yang terlalu amat elok parasnya gilang-gemilang cahayanya, kilau-kilauan supaya seperti bulan purnama empat belas hari bulan terlebih elok daripada baiduri. Habislah mengikut bonda dan ayahanda seperti pinang dibelah dua dengan baginda. Tuan Puteri pun telah melihat rupa anaknya itu maka ia pun menangis seraya katanya, “Wah anakku, tuan buah hati bonda, apalah daya upaya bonda duduk di dalam hal demikian ini baiknya ada Isma Menteri menyembunyikan bonda, jikalau tidak hampirlah mati bonda ini oleh kerana perbuatan orang.”

Keadilan yang ditunjukkan oleh Isma Yatim telah berjaya menyelamatkan dua nyawa daripada dibunuh. Setelah pasti raja dan permaisuri menyesal dengan tindakan mereka tanpa usul periksa, barulah Isma Yatim memberitahu hal yang sebenarnya dan Puteri Ratna Kendi dijemput kembali ke istana. Isma Yatim menjelaskan juga hukum mengikut syarak bahawa tidak patut membunuh seseorang perempuan yang mengandung. Tuan puteri ini hanyalah

difitnah. Pasangan merak yang berpantun dan berseloka di istana tidak lagi bersuara ketika ketiadaan Tuan Puteri Mehran Langkawi dan turut bersedih dengan kehilangan tuannya itu. Namun, apabila tuan puteri kembali ke istana, barulah pasangan merak itu galak berpantun dan berseloka. Peristiwa tersebut dinyatakan dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 225-226):

Maka Tuan Puteri sampailah ke taman Puspa Nika Warna. Maka baginda laki isteri pun masuklah ke dalam gedung itu lalu disingkap baginda tirai yang keemasan itu. Maka Tuan Puteri Ratna Kendi pada tatkala itu lagi duduklah meriba anakanda baginda dengan Tuan Puteri Ratna Kendi. Maka dilihat oleh baginda parasnya Tuan Puteri terlalu terlebih pula dahulunya dan anakanda baginda pun terlalu amat eloknya gilang-gemilang dengan penuh pakaian. Setelah Tuan Puteri Mehran Langkawi melihat baginda datang itu, maka ia segeralah berdiri maka disambut baginda tangan Tuan Puteri Ratna Kendi. Maka ia pun sujud pada kaki raja serta dengan tangis. Baginda pun menangis seraya baginda menyambut anakanda baginda serta bertangis-tangis tiga berputera.

Arakian maka Tuan Puteri permaisuri Indera pun berpeluk bercium bertangis dengan Tuan Puteri keduanya itu kerana ia menjadi saksi Tuan Puteri Ratna Kendi hamil itu. Maka kedua-duanya berkasihan seperti dulunya juga. Hatta maka tuan puteri kedua dan anakanda baginda pun dibawa oleh raja kembali ke istana. Maka baginda pun menyuruh memalu genderang raya dan segala bunyi-bunyian. Maka berhimpunlah segala bala tentera rakyat sekalian. Maka baginda pun menyuruh Isma Menteri berbuat panji persada tujuh belas pangkat di tepi laut.

Selain itu, Isma Yatim berjaya menangani satu masalah jenayah di negeri tersebut dengan adil. Kejadian tersebut berlaku ketika Isma Yatim telah dilantik menjadi hulubalang dan telah diminta berkawal untuk menangani jenayah kecurian yang kerap berlaku. Ketika sedang membuat rondaan, Isma Yatim berjaya menangkap seorang pencuri yang bernama Iyar. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut (*Hikayat Isma Yatim* 2003: 182):

Alkisah maka tersebutlah perkataannya tatkala Isma Yatim dijadikan sebagai hulubalang itu maka ia pun berkawal di dalam negeri itu. Hatta maka pada suatu malam ia pun bertemu dengan seorang pencuri itu. Maka kata Isma Yatim, “Hai orang muda, apakah pekerjaanmu berjalan kepada gedung saudagar itu?”

Maka Iyar pencuri itu pun tiada sempat lari kerana pedang Isma Yatim telah terhunus daripada sarungnya. Syahdan maka Iyar pencuri itu pun fikir di dalam hatinya, “Beberapa lamanya aku mencuri ini tiada pernah dapat oleh orang. Baharulah selama Isma yatim berkawal ini aku kedapatan olehnya tetapi aku dengar barang siapa bertemu dengan Isma Yatim ini, nescaya ada juga beroleh faedah daripadanya itu. Maka sekarang ini baiklah aku berkata benar akan dia.”

Maka Iyar itu pun berkata, “Hai Isma Yatim hulubalang raja, hambalah Iyar pencuri tiada lain pekerjaan hamba melainkan mencuri juga akan makanan hamba dan pakaian hamba. Maka sekarang telah hamba serahkan diri hamba ini kepada tuan hamba. Mana-mana kehendakkan tuan hamba akan hamba ini.”

Maka kata Isma Yatim, “Hai Iyar, daripada hari ini datang kepada akhirat jangan engkau mencuri lagi bahawa makanan dan pakaianmu, akulah memberi diku.” Setelah demikian maka Iyar pun sujud kepada kaki Isma Yatim dan menyerahkan segala senjatanya. Syahdan maka selama-lamanya tiada lagi ia bercuri dengan Isma Yatim itu. Maka tatkala Isma Yatim dititahkan oleh baginda bantu ke negeri Kaila maka ia pun bersama-sama pergi mengiringkan dirinya itu.

Diceritakan bahawa selama Iyar melakukan pekerjaan mencuri, tidak pernah seorang pun berjaya menangkapnya. Apabila Iyar telah ditangkap oleh Isma Yatim, beliau telah menyerah diri kerana merasakan dirinya akan menerima manfaat dan faedah daripada Isma Yatim. Iyar telah bercakap benar dengan mengaku bahawa beliau yang mencuri pakaian dan makanan. Malah dia menyerahkan diri kepada Isma Yatim untuk menjatuhkan hukuman kepadanya. Isma Yatim tidak terburu-buru menjatuhkan hukuman. Beliau mendengar terlebih dahulu penjelasan daripada Iyar. Isma Yatim telah menasihatkan Iyar supaya tidak melakukan sebarang pekerjaan mencuri lagi kerana Isma Yatim akan membantu Iyar dengan menyediakan makanan dan pakaian kepadanya. Setelah mendengar nasihat daripada Isma Yatim, beliau berjanji tidak akan mengulangi perbuatan mencurinya dan telah membantu Isma Yatim dalam menangani musuh di negeri Kaila yang telah diserang oleh musuh. Isma Yatim telah berlaku adil dan memaafkan perbuatan pencuri tersebut kerana telah berlaku jujur dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya lagi. Sifat keadilan yang ditonjolkan Isma Yatim menggambarkan bahawa beliau seorang pemimpin yang mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh rakyatnya.

## KESIMPULAN

Amal ihsan menjadi pelengkap dalam pembentukan insan adabi. Untuk mencapai ke tahap itu, seorang insan harus mencapai setiap tahap yang ditetapkan iaitu melalui ilmu, kebijaksanaan, keadilan dan amal ihsan. Amal ihsan penting untuk melahirkan seseorang insan yang memiliki sifat-sifat terpuji dalam dirinya dengan niat melakukan kebaikan kerana Allah SWT Melalui prinsip amal ihsan, akan terlahirlah sifat insan yang memiliki sikap pemurah, adil, bersyukur, berani berjihad dan lain-lain. Justeru itu, amal ihsan menjadi kemuncak kesempurnaan ibadah dan kemuliaan akhlak untuk mendapatkan keberkatan daripada Allah SWT Selain itu, insan adabi harus mengamalkan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) dalam hubungannya dengan Pencipta dan sesama mahluk lainnya.

Amal ihsan juga saling berkait rapat dengan akhlak dan budi dalam kehidupan seseorang manusia. Amal ihsan turut melahirkan sifat-sifat terpuji dalam merealisasikan hubungan dengan Allah SWT (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*). Hubungan berbentuk vertikal dan horizontal ini perlu wujud serentak dan tidak boleh dipisahkan dalam diri setiap insan adabi. *Hablumminallah* mahupun *hablumminannas* adalah dua aspek yang tidak dapat dipisahkan. Kedua-dua hubungan tersebut sama penting dan harus berjalan seimbang. Oleh itu, untuk bergelar insan adabi seseorang itu harus menjaga hubungannya dengan Allah serta hubungannyaaa sesama manusia. Manusia yang menjaga kedua-dua hubungan ini akan mendapat ketenangan di dunia dan mendapat nikmat syurga di akhirat.

*Hikayat Isma Yatim* banyak memaparkan mengenai prinsip amal ihsan yang disampaikan melalui watak Isma Yatim. Isma Yatim dilihat mengamalkan prinsip adab iaitu

ilmu, bijaksana, adil dan amal ihsan dalam kehidupan seharian. Isma Yatim dijadikan sebagai ikon dalam pembentukan diri sebagai insan adabi kerana menepati keempat-empat prinsip tersebut. Kesemua sifat yang dimiliki oleh Isma Yatim menepati prinsip amal ihsan. Menerusi kualiti diri yang ada padanya telah membawa manfaat dan faedah kepada orang di sekelilingnya. Isma Yatim dilihat telah melakukan kebaikan dengan melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan baik. Sifat-sifat terpuji yang ditonjolkan oleh Isma Yatim telah membawa satu perubahan yang baik demi kesejahteraan kepada pemerintah dan negaranya.

Selain itu, Isma Yatim turut menjaga hubungan dengan Allah SWT (*hablumminallah*) dan menjaga hubungannya sesama manusia (*hablumminannas*). Hal ini jelas menunjukkan bahawa Isma Yatim merupakan pemimpin yang disegani dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Kebijaksanaan, kesetiaan dan keadilan yang ditonjolkan oleh Isma Yatim selari dengan prinsip amal ihsan menurut perspektif adab. Akhlak yang dimiliki oleh Isma Yatim telah melayakkan beliau digelar sebagai insan adabi kerana menepati prinsip-prinsip pendekatan adab yang telah digariskan.

## RUJUKAN

- Ayu Nor Azilah Mohamad. 2003. *Hikayat Isma Yatim*: Satu Kajian Teks. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ibn Maskawayh. 1966. *Tahzib al-Akhlaq*. Beirut: American University of Beirut.
- Imam Al-Ghazali. 1988. *Ihya Ulumiddin: Jiwa Agama*. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2013. In Search of a Just Leader in Islamic Perspective: An Analysis of Traditional Malay Literature from the Perspective of Adab. *Asian Social Science* 9(6), 22-29.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2016. Traditional Malay Literature and the Generation of Knowledge. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* (24), 87-96.
- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos. 2017. Keadilan Teras Kepimpinan Raja-raja Melayu: Dari Era Tradisi ke Kontemporari. *Jurnal Melayu* 16(1), 62-81.
- Muhd Norizam Jamian. 2012. Kesusasteraan Melayu Tradisional dari Perspektif Adab: Suatu Perbincangan Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak Pemimpin dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu* 15(1), 50-66.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1997. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2002. *Makna Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran. 1982. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Salinah Ja'afar. 2012. Pemerkasaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel. *Jurnal Melayu* (9), 55-73.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Suatu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan Ungkapan Melayu sebagai Wahana Kepimpinan Melayu ke Arah Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Melayu* (9), 155-170.

**Biodata Penulis:**

**Muhd Norizam Jamian**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional.

**Nor Asma Ab Aziz**

Penulis merupakan lulusan Sarjana Sastera di Program Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional.